



## KERAJAAN MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
IADA BARAT LAUT SELANGOR  
KUALA SELANGOR

NOTIS PENDAFTARAN  
KONTRAKTOR G1

IADA BARAT LAUT SELANGOR  
TAHUN 2021

DAERAH KUALA SELANGOR & DAERAH SABAK BERNAM

**(16 FEBRUARI 2021 HINGGA 02 MAC 2021)**



Bahagian Kejuruteraan Pertanian  
IADA Barat Laut Selangor  
45000 Kuala Selangor  
Selangor Darul Ehsan

KERAJAAN MALAYSIA  
BAHAGIAN KEJURUTERAAN PERTANIAN  
IADA BARAT LAUT SELANGOR  
KUALA SELANGOR



**NOTIS PENDAFTARAN KONTRAKTOR G1  
TAHUN 2021**

1. Pendaftaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) di daerah **Kuala Selangor / Sabak Bernam** dan mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) di bawah bidang berikut :

Gred	Kategori	Pengkhususan
G1	CE	CE 21 Pembinaan Kejuruteraan Awam

2. Borang Pendaftaran Kontraktor G1 boleh dimuat turun dari laman web IADA Barat Laut Selangor melalui pautan <http://iadabls.moa.gov.my> atau laman Facebook IADA Barat Laut Selangor melalui pautan [web.facebook.com/iadabaratlautselangor/](http://web.facebook.com/iadabaratlautselangor/) mulai pada **16 Februari 2021 (Selasa)** hingga **02 Mac 2021 (Selasa)**.
3. **Tiada bayaran** dikenakan bagi borang pendaftaran ini.
4. Borang yang dimuat turun dan telah lengkap diisi beserta dengan lampiran dikehendaki (rujuk Senarai Semak) hendaklah dikembalikan dalam bentuk **hard copy** dan dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri.
5. Pendaftaran ini akan **ditutup** pada **02 Mac 2021 (Selasa)**. Dokumen yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga secara pandu lalu bermula jam 09.00 pagi sehingga jam 04.00 petang (Isnin hingga Jumaat) sepanjang tempoh pendaftaran ini dibuka sepertimana berikut :
  - a. Kontraktor berdaftar di daerah Kuala Selangor :  
**Perkarangan Lobi, Kompleks IADA Barat Laut Selangor, 45000 Kuala Selangor**
  - b. Kontraktor berdaftar di daerah Sabak Bernam :  
**Laluan Pejalan Kaki, BKP, IADA Barat Laut Selangor, 45300 Sungai Besar**
6. Kegagalan untuk mendaftar akan menyebabkan pihak Tuan/Puan **tidak layak** untuk menyertai Kerja-kerja Undi atau penawaran perolehan kerja secara lantikan terus (Inden) bagi tahun 2021 ini.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

( **SYAMSUL ZURaida @ FADHILAH BINTI ZAINUDIN** )

Jurutera Projek

Bahagian Kejuruteraan Pertanian  
IADA Barat Laut Selangor